



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - ISNIN, 18 OGOS 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KES KEGANASAN RUMAH TANGGA MENINGKAT 29 PERATUS TAHUN LALU		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-29-peratus-tahun-lalu	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/17/krisis-rumah-tangga-perlu-ditangani-segera/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KPWKM SEDIA BANTU IBU TUNGGAL TUNTUT NAFKAH ANAK SELEPAS CERAH		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2025/08/17/kpwkm-sedia-bantu-ibu-tunggal-tuntut-nafkah-anak-selepas-cerai/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	S'WAK SYARIAH DEPT TO INTRODUCE NEW REFORMS, SAYS CHIEF JUDGE		POSITIF
	https://www.theborneopost.com/2025/08/17/swak-syariah-dept-to-introduce-new-reforms-says-chief-judge/	THEBORNEOPOST.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WANITA ASEAN DISARAN RANGKA PELAN 20 TAHUN BANGUN EKOSISTEM MODAL TEROKA INKLUSIF		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/08/17/wanita-asean-disaran-rangka-pelan-20-tahun-bangun-ekosistem-modal-teroka-inklusif/	SABAHMEDIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ILMU TANPA AKHLAK, BULI DAN PENDERAAN MENGHANCUR BATAS KEMANUSIAAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/ilmu-tanpa-akhlak-buli-dan-penderaan-menghancur-batas-kemanusiaan	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	TABIKA KEMAS KANAK-KANAK AUTISM DI PERLIS TAHUN HADAPAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/08/tabika-kemas-kanak-kanak-autism-di-perlis-tahun-hadapan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tabika-tunas-istimewa-kemas-perluas-pendidikan-kanak-kanak-berkeperluan-khas	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KEMAS BANTU WANITA LUAR BANDAR KUASAI PERNIAGAAN DI PERLIS		POSITIF
	https://thesun.my/cerita/berita/kemas-bantu-wanita-luar-bandar-kuasai-perniagaan-di-perlis-CC14705124	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2457643	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	HANYA KERANA LAMBAT BUKA PINTU BILIK, ISTERI DITUMBUK SUAMI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/hanya-kerana-lambat-buka-pintu-bilik-isteri-ditumbuk-suami/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/08/17/suami-tumbuk-isteri-gara-gara-lambat-buka-pintu-bilik/	KOSMO.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



18/8/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1253284/suami-tumbuk-isteri-gara-gara-lambat-buka-pintu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/17/warga-asing-ditahan-pukul-isteri-di-tawau	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://sabahnews.com.my/polis-tahan-lelaki-warga-asing-pukul-isteri-di-tawau/	SABAHNEWS.COM.MY	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/264755/suami-tumbuk-isteri-gara-gara-lambat-buka-pintu/	DAILYEXPRESS.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	PELAJAR WANITA MATI TERGANTUNG DI KIPAS, DISYAKI DIBUNUH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1434353/pelajar-wanita-mati-tergantung-di-kipas-disyaki-dibunuh	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1253372/wanita-ditemui-tergantung-pada-kipas-disahkan-mati-dibunuh	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/08/17/young-woman-found-dead-in-subang-jaya-cops-probe-for-murder	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	DOMESTIC VIOLENCE, DIVORCE CASES IN S'WAK AN ALARMING ISSUE - NANCY	
HARI :	ISNIN	AKHBAR : THE BORNEO POST
TARIKH :	18 OGOS 2025	M/SURAT : 01&02
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR : KPWK

Domestic violence, divorce cases in S'wak still an alarming issue — Nancy



MIRI: Domestic violence and divorce cases in Sarawak remain a pressing concern, said Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

Citing statistics, she said 7,116 domestic violence cases were reported nationwide in 2024 compared to 5,507 in 2023.

"In Sarawak alone, 1,124 Muslim couples divorced in 2024, with a lack of mutual understanding identified as the leading cause.

"These figures are alarming and must be addressed not only through legislation, but also through education, guidance and social support," she said when officiating the 'Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025' programme at the Miri Civic Centre here yesterday.

She said strong families would lead to a more stable society and prosperous nation, and highlighted various initiatives



Nancy strikes the gavel to officiate at the programme. On her left is Awang Suhaili.

under her ministry such as pre-marriage courses, family counselling programmes and awareness campaigns through the 'Talian Kasih' helpline.

Nancy also called on community leaders, educators and government agencies to be

agents of change in strengthening family institutions.

"Every family we help today will be the fortress of the nation tomorrow. Every heart we touch today will be a light that guides the future."

She also praised the close

cooperation shown between her ministry, the Sarawak Syariah Judiciary Department, Tabung Baitulmal Sarawak and other agencies in organising yesterday's discourse.

> Turn to Page 2, Col 1

Series of reforms being rolled out to strengthen access to justice, support welfare of Muslim families, says Sarawak Syariah chief judge

> From Page 1

Themed 'Syariah as the Basis of a Prosperous Family', the programme brought together legal experts, religious scholars and community representatives for forums, panel sessions and community service activities.

Meanwhile, Sarawak Syariah Chief Judge Datu Awang Suhaili Ledi in his speech said the Sarawak Syariah Judiciary

Department (JKSS) is rolling out a series of reforms to strengthen access to justice and support the welfare of Muslim families in the state.

He said the reforms include reducing the time for failed 'sulh' cases in the Syariah Subordinate Court from 25 days to one day, and streamlining applications for 'wali hakim' (guardian judges) and divorce by mutual consent.

"These measures will improve

the efficiency of Syariah judicial services while ensuring justice remains transparent, effective and responsive to community needs," he said.

Awang Suhaili added the reforms are consistent with the Sarawak Islamic Council's Action Plan 2021-2030 and the JKSS Transformation Plan, which emphasises public understanding of Islamic family law.

"Other measures are

improvements to matrimonial case management and faster hearing processes. The judiciary has also established the Family Support Division and a new Monitoring Unit to ensure enforcement of court orders.

"This proactive approach ensures fathers do not neglect their responsibilities for children even after divorce, while building public confidence in the Syariah legal system," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes keganasan rumah tangga meningkat 29 peratus tahun lalu

Nasional - Dicipta: 17 Ogos 2025 10:29 PM



Datuk Seri Nancy Shukri ketika ditemui di Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 di Dewan Suarah Miri

MIRI, 17 Ogos - Kes keganasan rumah tangga di Malaysia meningkat kepada 7,116 kes pada 2024 berbanding 5,507 kes pada tahun sebelumnya, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata peningkatan 29 peratus itu amat membimbangkan dan perlu ditangani segera dengan sokongan menyeluruh pelbagai pihak.

"Ini adalah cabaran sebenar yang perlu kita tangani bersama. bukan hanya melalui undang-undang, tetapi juga dengan pendidikan, bimbingan dan sokongan sosial.

"Saya menyeru semua pemimpin masyarakat, guru KAFA, NGO dan agensi kerajaan untuk menjadi ejen perubahan," katanya ketika merasmikan Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 di Dewan Suarah Miri hari ini.

Nancy turut mendedahkan Sarawak merekodkan 1,124 kes perceraian pasangan Islam pada tahun lalu dengan punca utama disebabkan tiada persefahaman.

Sehubungan itu, katanya, kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk program Wanita Bangkit, kaunseling keluarga, kursus praperkahwinan, kempen kesedaran melalui Talian Kasih 15999 serta penyediaan dana bantuan guaman bagi membantu wanita terkesan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU TUNGGAL AKAN DIBANTU NAFKAH ANAK MENERUSI MAHKAMAH

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 18 OGOS 2025

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu tunggal akan dibantu tuntutan nafkah anak menerusi mahkamah



RASMI: Nancy merasmikan Unit Pemantauan, Bahagian Sokongan Keluarga semasa Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 di Dewan Suarah Miri semalam.

MIRI: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri mahu ramai wanita khususnya ibu tunggal dibantu untuk menuntut nafkah anak daripada bekas suami melalui mahkamah. Menurut Nancy, walaupun telah menerima surat penghakiman daripada mahkamah, namun masih ada di kalangan bekas suami atau bapa yang ingkar terhadap perintah tersebut.

"Masalahnya ramai wanita tidak mempunyai kemahuan untuk pergi ke mahkamah untuk menuntut nafkah untuk anak mereka. "Mahkamah sudah putuskan (dengan) surat enterjudgement, tetapi si bapa untuk anak-anak ini masih tidak mematuhi perintah tersebut," jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 'Syariah Asas Keluarga Sejahtera' di Dewan Suarah

Miri semalam. Menurut Nancy, beliau telah memohon dan telah memiliki peruntukan untuk membantu golongan ibu tunggal melalui proses menuntut hak mereka di mahkamah yang termasuk kos guaman. Beliau memberitahu, Mahkamah Syariah di Kuching antara yang pertama mendapat peruntukan tersebut. Nancy berkata proses tuntutan boleh dilakukan di

Mahkamah Syariah dan Sivil. Beliau mahu bantuan kementerian itu dapat disebarkan secara meluas kepada ibu tunggal yang masih berdepan masalah menuntut hak anak mereka. "Kita hendak uar-uarkan supaya wanita menyedari bahawa mereka tidak keseorangan. Kita bantu mereka melalui Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil yang ada," jelasnya.



Ibu tunggal akan dibantu tuntutan nafkah anak menerusi mahkamah

► Dari Muka 1

Nancy dalam ucapannya memberitahu, sebanyak 7,116 kes keganasan rumah tangga dilaporkan pada 2024, meningkat daripada 5,507 kes pada tahun sebelumnya.

Di Sarawak sahaja, 1,124

pasangan Islam bercerai pada 2024 dan angka tersebut sangat membimbangkan.

Kajian KPWM-5 pula menunjukkan sebab utama perceraian ialah tiada persefahaman sama ada dari pihak lelaki (56.2 peratus) atau wanita (38.0 peratus).

Majlis turut menyaksikan pelancaran Unit Pemantauan, Bahagian Sokongan Keluarga dan penyampaian Bantuan dan Sokongan Keluarga serta Bakul Sakinah.

Hadir sama Ketua Hakim Syarie Sarawak Datu Awang Suhaili Ledi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk Seri Nancy Shukri ketika ditemui selepas Program Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 'Syariah Asas Keluarga Sejahtera' di Miri hari ini. Foto Awgku Almanhariz (TVS)

KPWKM sedia bantu ibu tunggal tuntutan nafkah anak selepas cerai

By Salasiah Safian #bm, Berita Sarawak August 17, 2025 7:05 PM

MIRI, 17 Ogos: Kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) kini menyediakan peruntukan dan khidmat sokongan bagi membantu golongan ibu tunggal menuntut nafkah anak selepas perceraian, sama ada melalui Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, inisiatif ini digerakkan berikutan masih ramai wanita yang tidak tahu cara atau tidak berkemampuan untuk mendapatkan hak nafkah walaupun mahkamah telah mengeluarkan perintah.

"Ramai ibu tunggal tidak tahu bagaimana untuk menuntut nafkah anak-anak selepas perceraian, walaupun keputusan mahkamah sudah ada.

"Justeru, kita sediakan bantuan dan bimbingan melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan LPPKN," katanya ketika ditemui selepas Program Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025 bertemakan 'Syariah Asas Keluarga Sejahtera' di sini, hari ini.

Beliau menegaskan, pendekatan ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk tidak meninggalkan mana-mana golongan terpinggir.

"No one is left behind. Kita mahu ibu tunggal tahu bahawa mereka tidak keseorangan," katanya

Menurut beliau, pelaksanaan inisiatif ini telah dimulakan di Mahkamah Kuching dan akan diperluas ke seluruh negeri, dengan pendekatan berperingkat mengikut keperluan sama ada melalui Mahkamah Sivil di Semenanjung atau Mahkamah Syariah di Sarawak.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



| S'wak Syariah dept to introduce new reforms, says Chief Judge

BY KATRINA MOON ON AUGUST 17, 2025, SUNDAY AT 9:28 PM

SARAWAK



Awang Suhaili (third left) presents a token of appreciation to Nancy.

MIRI (Aug 17): The Sarawak Syariah Judiciary Department (JKSS) is rolling out a series of reforms to strengthen access to justice and support the welfare of Muslim families in the state.

Syariah Chief Judge Datu Awang Suhaili Ledi said some of the reforms included reducing the time for failed 'sulh' cases in the Syariah Subordinate Court from 25 days to one day, and streamlining applications for 'wali hakim' (guardian judges) and divorce by mutual consent.

He said these measures would improve the efficiency of Syariah judicial services while ensuring justice remains transparent, effective and responsive to community needs.

Awang Suhaili added the reforms were consistent with the Sarawak Islamic Council's Action Plan 2021–2030 and the JKSS Transformation Plan, which emphasises public understanding of Islamic family law.

"Other measures are improvements to matrimonial case management and faster hearing processes. The judiciary has also established the Family Support Division and a new Monitoring Unit to ensure enforcement of court orders.

"This proactive approach ensures fathers do not neglect their responsibilities for children even after divorce, while building public confidence in the Syariah legal system," he said when officiating the 'Wacana Khas Keluarga Islam Sarawak 2025' on Sunday.

Themed 'Syariah as the Basis of a Prosperous Family', the programme was jointly organised by JKSS and the Ministry of Women, Family and Community Development to raise public awareness of Islamic family law, provide guidance on marital issues, and strengthen community support systems for Muslim families in Sarawak.

Also present was Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita ASEAN disaran rangka pelan 20 tahun bangun ekosistem modal teroka inklusif

By editor02 August 17, 2025



Kota Kinabalu: Wanita ASEAN disaran merangka kerangka kerja khusus beserta pelan tindakan tempoh 20 tahun bagi membangunkan ekosistem modal teroka (VC) lebih inklusif, inovatif, berdaya saing, dan berorientasikan manusia, selaras dengan Pelan Strategik VC ASEAN 2045.

Timbalan Menteri Ekonomi Malaysia, Datuk Hanifah Hajar Taib berkata tahun 2025 menandakan titik pertengahan pelaksanaan Komuniti ASEAN 2025 dan permulaan ke arah pembentukan Visi Komuniti ASEAN 2045.



Katanya, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini, Malaysia mengangkat tema 'Inklusiviti dan Sustainability' sebagai teras kepimpinannya.

"Kesepaduan wanita ASEAN adalah sumber kekuatan komuniti serata. Sejak penubuhan ASEAN lebih lima dekad yang lalu, wanita telah memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor termasuk bidang pendidikan, kesihatan, ekonomi digital, sehinggalah ke meja rundingan diplomatik.

"Namun kita juga harus akui bahawa cabaran seperti stereotaip, pedraki, diskriminasi, kekurangan akses kepada peluang dan ketidaksetaraan gender masih wujud.

"Sesuatunya perlu dilakukan demi memperkasakan wanita, terutama pewujudan sinergi antara wanita ASEAN," katanya ketika berucap merasmikan ASEAN Women Conference On Best Practice (AWCOBP) 2025, di sini pada Sabtu.

Menurutnya, dasar kerajaan sedia ada meletakkan wanita sebagai peneraju sektor strategik seperti Kecerdasan Buatan (AI), semikonduktor, tenaga boleh baharu, pelancongan berkualiti, ekonomi halal dan jingga.

"Inisiatif seperti digital upskilling, adaptasi teknologi hijau dan keusahawanan sosial akan terus menjadi pemangkin pembangunan wanita," katanya.

Tambahnya, Dasar Wanita Negara 2025 hingga 2030 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menetapkan beberapa sasaran utama.



"Antaranya 60 peratus kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh, 1 juta usahawan wanita berdaftar, 30 peratus penglibatan wanita dalam membuat keputusan dan 10 peratus penglibatan wanita dalam pertahanan dan keselamatan.

"Wanita ASEAN telah menjadi nadi kepada pembangunan ekonomi dan sosial dari desa ke bandar, dari industri kecil ke syarikat global.

"Menurut ASEAN Women's Economic Summit 2025, wanita membetulkan hampir 50 peratus populasi rantau ini, namun penguasaan dalam jawatan pengurusan kanan masih sekitar 26 peratus dan kerusi parlimen hanya 22 peratus," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) yang dibentangkan pada 31 Julai 2025 lalu turut menekankan strategi pemerkasaan wanita dan belia melalui latihan digital serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan masyarakat termasuk Wanita Bangkit yang membantu wanita untuk kembali aktif dalam ekonomi, MyKasih Capital, Pemberian Bantuan Model Perniagaan Kecil Milikan Wanita dan Program Penjana Pendapatan Wanita (WeJANA dan WeBridge) yang melatih wanita dengan kemahiran baru dan akses pasaran.

"Kerajaan komited dalam memastikan gabungan program ini dengan strategi RMK 13 akan memperkukuh penyertaan wanita di semua peringkat serta memastikan sokongan ini disalurkan secara sistematik bagi memastikan sasaran yang telah ditetapkan menjelang 2030 tercapai.

"Dengan tindakan kolektif, kita akan memastikan tiada wanita tertinggal dalam arus pembangunan. Dengan memperkasakan wanita, ASEAN menjadi rantau yang lebih saksama, berdaya tahan dan berdaya saing," katanya.

Persidangan sehari anjuran Persatuan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Wanita Bumiputera Sabah (IKSNITA) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah itu menghimpunkan hampir 400 peserta dari pelbagai sektor ASEAN.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Isteri Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Juhiah Salag, manakala sesi penutup menampilkan forum bertajuk "Amalan Terbaik Wadiah Pemberdayaan Wanita".

Delegasi dari Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Singapura dan Malaysia turut berkongsi amalan terbaik dalam bidang keusahawanan, pendidikan, kepimpinan, pendigitalan dan kebudayaan, dengan tema persidangan "Together We Accelerate Action."

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ilmu tanpa akhlak, buli dan penderaan menghancurkan batas kemanusiaan

Kolum - Dicipta: 17 Ogos 2025 01:04 PM



Foto hiasan/RTM

SAUDARA PENGARANG

Semakin dunia melangkah menuju era kemajuan dan pembinaan tamadun yang tinggi, masih wujud fenomena yang merendahkan martabat kemanusiaan. Lebih menyedihkan, fenomena ini tidak lagi berlaku secara terpencil, malahan semakin marak dilaporkan di media massa dan media sosial. Antara isu yang paling membimbangkan adalah peningkatan kes penderaan dan pembulian. Ia melibatkan tindakan, sama ada secara fizikal, verbal, mental mahu pun emosi.

Kedua-dua gejala ini bukan sahaja melanggar ajaran syariat Islam yang mengutamakan kasih sayang, berbuat baik, dan hormat-menghormati, bahkan turut bertentangan dengan norma tradisi Melayu-Islam yang berasaskan adab, budi pekerti, kesopanan dan kesantunan.

Saban hari, kita dipaparkan dengan laporan tingkah laku manusia yang semakin menyimpang daripada landasan syariat dan nilai moral. Sifat kasih sayang dan belas kasihan kian pudar. Ia telah digantikan dengan kekerasan dan sikap melampaui batas kemanusiaan. Malahan, sikap tersebut kadang-kala lebih buruk daripada sifat kebinatangan, kerana haiwan tidak terikat dengan peraturan dan perundangan secara khusus tetapi masih mampu untuk menjaga kawanan masing-masing.

Manusia kini bertindak di luar peraturan, undang-undang, atau pertimbangan moral dan sanggup bertindak sewenang-wenangnya membunuh, seolah-olah nyawa dan maruah orang tidak mempunyai sebarang nilai. Lebih parah lagi, terdapat banyak kes penderaan terhadap pasangan atau anak-anak yang berakhir dengan kematian.

Di samping itu, wujud juga tindakan pembulian yang dilakukan secara fizikal dan mental sehingga mangsa mengalami trauma berpanjangan atau meninggal dunia.

Namun, timbul beberapa persoalan utama, mengapa tingkah laku menyimpang ini tetap berlaku dan semakin berleluasa dalam masyarakat yang semakin berilmu dan bertamadun? Bukankah pendidikan sepatutnya membentuk manusia yang berakhlak, beradab, dan berbudi pekerti? Ironinya, kes pembulian masih berlaku di tempat yang menjadi simbol kemuliaan ilmu seperti sekolah dan universiti.

Ini menimbulkan tanda tanya yang mendalam, apakah yang meracun jiwa anak-anak muda hingga mereka tergamak menjadi pembuli bahkan pembunuh?

Lazimnya, mereka yang terlibat dalam penderaan atau pembulian mempunyai justifikasi tersendiri untuk menghalalkan tindakan mereka. Ada kalangan mereka yang beranggapan ia sekadar gurauan atau pengajaran kepada mangsa. Mereka berasa tidak bersalah kerana meyakini alasan tersebut membenarkan tindakan keji tersebut.

Hakikatnya, mangsa biasanya terdiri daripada golongan yang lemah, tidak berdaya melawan, atau berada dalam kedudukan yang terdedah kepada ancaman. Pemangsa pula sering memanfaatkan peluang dan ruang yang ada untuk melaksanakan niat mereka serta memilih masa yang tepat tanpa pengetahuan pihak lain.

Fenomena ini menjadi isyarat bahawa ilmu dan pendidikan semata-mata tidak memadai tanpa disertai pembinaan akhlak yang mulia. Ilmu yang tidak diiringi dengan nilai kemanusiaan boleh disalahgunakan untuk menjustifikasi perbuatan zalim. Dengan itu, pendidikan berasaskan akhlak, pembudayaan kasih sayang, empati, dan hormat sesama manusia perlu diterapkan sejak kecil lagi.

Tanpa akhlak, kemajuan yang dikecapi hanyalah ilusi semata-mata kerana di sebalik pencapaian tamadun kebendaan, kita sedang bergelut dengan keruntuhan akhlak yang menghakis kemerdekaan sebenar jiwa dan masyarakat.

Dalam kerangka syariat Islam, nyawa manusia adalah salah satu komponen penting yang wajib dipelihara menurut maqasid syariah. Prinsip *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa) jelas mengharamkan sebarang bentuk penindasan atau perbuatan yang mengancam keselamatan fizikal, mental dan nyawa seseorang.

Jelas, fenomena ini bukan sahaja termasuk dalam jenayah yang berat, malah merupakan pelanggaran yang serius terhadap Syariat Islam, iaitu sebahagian daripada kesalahan dalam jenayah qisas. Dalam al-Quran, surah al-Ma'idah ayat 34, Allah SWT telah menegaskan, maknanya:

Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.

Ayat ini jelas menunjukkan nilai nyawa seorang manusia yang tinggi sehingga dilibatkan orang yang membunuh satu nyawa yang tidak bersalah umpamanya membunuh seluruh umat manusia. Walaupun ayat ini secara tersurat ditujukan kepada Bani Israil, namun aturan untuk tidak membunuh sesama manusia tersebut turut berlaku dalam konteks lebih luas, iaitu untuk semua umat manusia. Jadi menjaga nyawa manusia ini adalah sebahagian daripada tuntutan maqasid Syariah.

Begitu juga dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan, maknanya: *Seorang muslim itu adalah mereka yang membuatkan muslim yang lain selamat dari kejahatan lidahnya dan juga tangannya.* (HR al-Bukhari)

Berdasarkan hadis tersebut, Nabi Muhammad SAW menjelaskan bahawa seorang Muslim yang baik akan menyebabkan orang Muslim lain selamat dari lidah atau tangannya. Dengan erti kata lain, seorang Muslim yang baik tidak akan menyebabkan lidah atau tangannya menyakiti orang lain, apatah lagi sampai kepada tahap membunuh orang lain.

Jika ada salah mangsa buli sekalipun, pilihlah jalur perundangan untuk menyelesaikannya. Jangan jadi hakim sendiri untuk menjatuhkan hukuman yang mana buruk akibatnya kelak.

Tegasnya, pembulian dan penderaan tiada agama dan tiada tradisi setempat yang mengabsahkannya, sebaliknya ia adalah tingkah laku yang menyimpang daripada ajaran Islam dan nilai budi serta kesantunan Melayu-Islam. Kita masih lagi belum dapat memerdekakan bangsa dan masyarakat daripada gejala pembulian dan penderaan.

Sehubungan dengan itu, setiap pihak perlu memainkan peranan yang aktif untuk memutuskan rantaian jenayah ini. Jangan jadi sebahagian daripada pembuli dan pendera atau mangsa. Justeru laporkan segera kepada pihak berwajib sekiranya terdapat tindakan pembulian dan penderaan dalam masyarakat agar semua tempat termasuklah rumah, tempat kerja dan pusat pengajian menjadi tempat yang selamat kepada semua pihak.

Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.



Profesor Madya Dr. Mohd Anuar Ramli
Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
e-mel: mohdanuar@um.edu.my

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	AUTISM CENTRES TO PROVIDE SPECIAL SUPPORT FOR FAMILIES		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	18 OGOS 2025	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Autism centres to provide special support for families

BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI AND
MAHADHIR MONIHULDIN
news@thesundaily.com

PETALING JAYA: Plans to set up autism centres in every state under the 13th Malaysia Plan (13MP) have been welcomed as a long-overdue step in providing specialised support for children with autism.

Johor Disabled Children Charitable and Cares Organisation founder and president Dr Yahya Haidrus said the move recognised that early intervention and structured learning environments could transform lives.

"Families of children with autism have, for years, struggled to find accessible, affordable and high-quality support.

"An individualised learning plan (ILP) is essential, as every child has a unique learning profile. It should set measurable goals across areas such as communication, behaviour, academics, motor and life skills."

Yahya emphasised that teacher-to-student ratios must be low to meet different needs, and recommended ratios of 1:3 or 1:5, depending on severity and as low as 1:2 or 1:1 for high-support children.

He added that educators require



Yahya said early intervention and structured learning environments for children with autism could transform lives. – ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

specialised training in autism spectrum disorder, sensory integration, behaviour management and assistive communication tools, supported by regular professional development and classroom aides.

"Training alone is insufficient without supportive working

conditions and mentorship to retain quality educators."

To make ILP effective, Yahya called for a multidisciplinary approach involving teachers, therapists and parents, with regular assessments to monitor progress.

"Teachers must be trained to

interpret and apply ILP in daily practice and smaller class sizes are necessary to ensure meaningful attention.

"Ultimately, it's not just about having the document, it's about creating a system that truly brings the plan to life."

Yahya added that strategies should be tailored to each child's strengths, supported by therapy services, visual aids and flexibility in completing tasks.

"The approach must be rooted in empathy and patience. Parents and caregivers must be closely involved as they play a critical role in the child's development journey."

He also stressed that centres must provide comprehensive services such as speech therapy, occupational therapy for motor and sensory needs and behavioural therapy to build social skills.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had earlier said the government would expand special education capacity under the 13MP, including setting up dedicated autism centres in every state.

As of June, nearly 170,000 children with disabilities were recorded as having learning difficulties, including autism.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tabika Kemas kanak-kanak Autism di Perlis tahun hadapan



ROZABIL Abd. Rahman (tiga dari kiri) membuat gimik pelancaran Program Santunan Desa Kemas Peringkat Negeri Perlis Tahun 2025 di Denai Larian Pengkalan Asam, Kangar, Perlis, hari ini. -UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Oleh ASYRAF MUHAMMAD 17 Ogos 2025, 5:20 pm

KANGAR: Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) bekeperluan khas atau Tabika Autisme di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) akan diperluaskan di negeri ini tahun hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Aktiviti Kemas negeri, Datuk Rozabil Abd Rahman berkata, inisiatif di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) itu akan memberi peluang buat anak-anak autism khususnya di Perlis untuk mengikuti pembelajaran seperti kanak-kanak lain.

Katanya, buat masa ini, inisiatif itu telah dimulakan di negeri Melaka dengan tiga buah tabika dan akan diperluaskan ke negeri-negeri lain pada tahun hadapan.

"Ini merupakan tabika khas yang akan beroperasi dengan memberi penumpuan untuk pembelajaran buat anak-anak autism," katanya ketika ditemui selepas Program Santunan Desa Kemas Peringkat Negeri Perlis 2025 di Denai Larian Pengkalan Asam, di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sebelum ini mengumumkan Tabika Kemas Autisme pertama di Malaysia akan dibuka di setiap daerah bermula di Melaka dengan mengutamakan anak-anak golongan B40.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, inisiatif tersebut merupakan antara lima cadangan dikemukakan untuk dilaksanakan Kemas dalam mencipta lebih banyak inisiatif berimpak tinggi.

Dalam pada itu, Rozabil berkata, modul pembelajaran untuk tabika itu juga telah disediakan, malah guru-guru turut mengikuti kursus khas bagi mengajar anak-anak autism itu.

"Sebelum ini, anak-anak autism perlu mengikuti pembelajaran di tabika swasta yang mahal dan saya percaya golongan di desa ini tidak akan hantar anak ke sana kerana bayarannya tinggi.

"Di Kemas, seperti yang kita tahu, semua percuma jadi ia beri ruang untuk bantu masyarakat desa yang mempunyai anak-anak istimewa ini mendapat pembelajaran yang baik," katanya.

Tambah beliau, komuniti masyarakat desa sememangnya amat menghargai usaha dilaksanakan itu, tambahan pula jumlah kanak-kanak mengidap autism turut menunjukkan peningkatan saban tahun. -UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KEMAS bantu wanita luar bandar kuasai perniagaan di Perlis

theSun Berita

2025-08-17 09:25 PM



KANGAR: Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Perlis kekal beriltizam memperkasa wanita luar bandar, terutama usahawan di bawah bimbingannya.

Pengarah KEMAS Perlis Mohamad Zaki Ismail menyatakan golongan ini akan terus dibantu menguasai bidang perniagaan selaras program Wanita Inspirasiku bertemakan "Wanita Desa Ke Global".

"Kami berharap usahawan bimbingan KEMAS dapat tingkatkan pendapatan keluarga dan kembangkan pasaran produk hingga peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di Program Santunan Desa KEMAS peringkat negeri yang dirasmikan Pengerusi Komuniti KEMAS Perlis Datuk Rozabil Abdul Rahman.

KEMAS Perlis turut menganjurkan Kursus Bimbingan Usahawan Quick-Win dalam bidang jahitan, masakan dan seni tangan melibatkan 30 peserta kelas kemahiran tahun ini.

Mohd Zaki menekankan objektif utama program ini adalah membina masyarakat luar bandar berilmu, berdaya tahan dan sejahtera.

"Ia juga menyokong Dasar Pembangunan Luar Bandar Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi pastikan pembangunan desa lebih seimbang," jelasnya.

Program dua hari itu menampilkan gerai jualan usahawan KEMAS, Jualan Rahmah, pameran agensi kerajaan dan aktiviti gotong-royong- Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : HAPUSKAN BULI, ELAK LAHIR GENERASI MENYIMPANG NORMA KEMANUSIAAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 OGOS 2025

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hapuskan buli, elak lahir generasi menyimpang norma kemanusiaan



Oleh Dr Syazwana Aziz
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Jabatan Bimbingan
dan Kaunseling,
Fakulti
Pembangunan
Manusia, Universiti
Pendidikan Sultan
Idris (UPSI)

Isu salah laku buli sebenarnya sudah dikaji secara meluas di negara Scandinavia sejak abad ke-20 lagi, tetapi insiden itu terus meningkat hingga meragut nyawa manusia dengan pelaku seolah-olah sudah tidak mempunyai perasaan belas kasihan. Buli hakikatnya adalah tingkah laku ganas seseorang atau sekumpulan yang menyebabkan kesakitan fizikal dan emosi kepada mangsa yang lemah serta boleh jadi individu mahupun kumpulan.

Mangsa buli tidak mempunyai kuasa menentang terhadap sesuatu tingkah laku menyebabkan pelaku buli akan berasa seronok dan puas melakukannya secara berulang kali.

Perasaan keseronokan yang timbul ini menyebabkan pelaku buli mempunyai keinginan terus membuli mangsa lemah, sekali gus menjadikan tindakan mencederakan fizikal dan emosi individu lain dengan secara sengaja ini sebagai antara tingkah laku devian.

Tingkah laku devian merujuk kepada perbuatan menyimpang, melanggar norma sosial dan boleh memudaratkan diri serta orang lain. Tingkah laku devian terbahagi kepada dua bentuk, iaitu fizikal dengan menggunakan kekerasan seperti memukul, menendang, mencederakan, membunuh, memperkosa dan mengambil serta memusnahkan barang milik orang lain.

Bentuk kedua pula ialah verbal, iaitu mengejek, menyebarkan fitnah, menggunakan kata-kata negatif atau kasar dan memanggil dengan panggilan nama tidak disukai.

Isu buli yang menjadi gejala hari ini perlu dibendung dengan lebih proaktif kerana tingkah laku devian tidak dikawal akan mengakibatkan keruntuhan akhlak dan moral, sekali gus menyebabkan murid dan pelajar mengalami masalah

pembelajaran, berhenti belajar, kes juvana dan jenayah yang menjejaskan masa hadapan mereka.

Dua faktor lahir pembuli

Terdapat dua faktor menjadi tunggak utama menyebabkan seseorang itu menjadi pelaku buli. Pertama ialah faktor peribadi pelaku buli. Pelaku buli yang pernah mengalami trauma sebagai mangsa dera pada zaman kanak-kanak berkecenderungan untuk mempelajari karakter sebagai seorang yang ganas dan tidak berperikemanusiaan.

Kanak-kanak yang menjadi mangsa dera yang teruk tidak mendapat sentuhan emosi positif, ma-

lah tertumpu kepada emosi negatif hingga menyebabkan kecenderungan ke arah pembentukan tingkah laku devian.

Oleh itu, bagi individu yang pernah menjadi mangsa dera yang teruk, mereka perlu menjalani intervensi atau terapi atau mendapat perhatian yang wajar untuk mengurangkan simptom sentuhan emosi negatif yang wujud dan bertindak mengawal emosi dengan cara lebih relevan dan positif.

Faktor kedua yang perlu diberi perhatian ialah pemantauan ibu bapa terhadap anak-anak. Pemantauan ini membabitkan kekerapan ibu bapa mengambil tahu mengenai anak-anak termasuk aktiviti harian, prihatin dan kasih sayang, mengetahui tahap perbelanjaan kewangan harian, mengenali rakan rapat anak dan paling penting membuat pemantauan terhadap pola perubahan tingkah laku anak-anak.

Kegagalan ibu bapa dalam mengenal pasti pola perubahan tingkah laku anak-anak menyebabkan anak-anak berasa bebas dan berani untuk bersikap agresif. Pola perubahan tingkah laku dimaksudkan adalah menunjukkan perubahan tingkah laku positif (mengikut norma masyarakat) kepada simptom tingkah laku devian.

Pola perubahan tingkah laku ini boleh terjadi atas beberapa faktor antaranya mempelajari tingkah laku devian dari persekitaran sekeliling atau melalui media sosial. Ibu bapa yang berjaya membuat pemantauan yang baik terhadap perubahan pola tingkah laku anak-anak, membantu untuk merencanak pembentukkan tingkah laku devian mendatang.

Justeru, dua faktor utama ini perlu dipandang serius untuk mengelakkan golongan kanak-kanak dan remaja membina karakter tingkah laku devian ini yang boleh menyebabkan gangguan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PIHAK BERWAJIB DIGESA BUKA SEMULA SIASATAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2025

M/SURAT : 07

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@bmetro.com.my

Kota Bharu

Himpunan solidariti Justice for Faris malam kelmarin menuntut komitmen penuh daripada pihak berwajib untuk membuka semula siasatan jenayah terhadap kes kematian pelajar tahfiz, Allahyarham Wan Ahmad Faris Wan Abdul Rahman, 12 tahun lalu.


Peguam Alias Ibrahim berkata, beliau yang mewakili keluarga semasa prosiding inkuis memaklumkan terdapat beberapa keterangan penting yang dibentangkan semasa prosiding berkenaan yang sepatutnya mencukupi untuk membawa kepada satu siasatan jenayah dimulakan.

"Terdapat beberapa bukti penting seperti nama suspek, laporan polis, serta penemuan sampel DNA di kain pelikat yang dijumpai bersama mangsa. Selain itu, turut ditemui sepasang selipar di lokasi mayat Allahyarham dijumpai.

"Namun sebagai peguam saya kecewa dan terkilan kerana barangan bukti penting seperti DNA dan cap jari tidak dianalisis secara menyeluruh walaupun maklumat berkenaan sudah dikemukakan semasa prosiding ko-

KES KEMATIAN PELAJAR TAHFIZ 12 TAHUN LALU

Pihak berwajib digesa buka semula siasatan



HIMPUNAN solidariti bagi menuntut pembelaan kematian Allahyarham Wan Ahmad Faris di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV di Kota Bharu, malam kelmarin. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

roner. "Bukti dan keterangan dikemukakan di Mahkamah Koroner pada 2016

sudah mencukupi namun mungkin ia tidak kukuh sepenuhnya bagi menghidupkan siasatan dan per-

tuduhan jenayah," katanya. kepada pemberita selepas Himpunan Solidariti Allahyarham Wan Ahmad

Faris yang diadakan di Daratan Warisan, pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, malam kelmarin.

Alias turut mendedahkan bahawa motif kejadian berkemungkinan membatalkan unsur buli dan dendam, susulan beberapa insiden yang menyebabkan segelintir pihak tidak berpuas hati terhadap Allahyarham.

"Saya sendiri mengendalikannya kes ini sejak 12 tahun lalu. Apa yang masyarakat lihat dan baca dalam nota keterangan mahkamah yang tular di media sosial sebenarnya adalah fakta yang pernah didengar dalam prosiding rasmi mahkamah, bukannya rekaan," katanya.

Dalam pada itu, Alias berkata, saman sivil terhadap Kerajaan Persekutuan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang difailkan pihak keluarga pada Julai lepas akan disebut ka-

li pertama di Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 26 Ogos ini.

Pihaknya turut mendesak siasatan jenayah tidak lagi dikendalikan oleh pasukan penyiasat dari Kelantan, sebaliknya dikendalikan oleh pasukan dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti, memandangkan kes ini adalah berkepentingan awam.

Pada Disember 2013, mayat Wan Ahmad Faris yang juga pelajar tingkatan empat ketika itu ditemui tergantung dalam tandas asrama Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman, Kok Lanas.

Mayatnya dilaporkan dijumpai penyelia asrama selepas menghidu bau busuk dari dalam tandas itu dan hasil bedah siasat mengklasifikasikannya sebagai kematian mengejut dan tiada kaitan dengan unsur jenayah.

“Barangan bukti penting seperti DNA dan cap jari tak dianalisis secara menyeluruh”
Alias

HIMPUNAN SOLIDARITI DEMI ADIK ZARA

Saya hadir tunjuk sokongan demi keluarga Zara: Peserta

Kuala Lumpur: "Sebagai seorang ibu, saya faham perasaan ibu Zara (Qairina Mahathir) yang pasti menanggung derita yang tidak terungkap," kata Kamariah, 40-an.

Wanita itu adalah antara ratusan orang ramai yang hadir ke Himpunan Solidariti Demi Adik Zara di hadapan pusat beli-belah Sogo di sini, malam kelmarin bagi menuntut keadilan di kematian remaja berusia 13 tahun itu.

Menurutnya, kisah tragis Zara Qairina menyentuh naluri keibuannya dan membuatnya dia mahu memberi sokongan kepada keluarga remaja itu supaya kematian remaja itu terbelak.

"Bayangkan anak yang dilahirkan serta ditanggang bagai minyak penuh, akhirnya kehilangan nya-

wa dalam sekelip mata," katanya.

Seorang lagi yang hadir memberi sokongan itu, Khairul, 30-an, menyifatkan kehadirannya ke perhimpunan itu adalah usaha kecilnya dalam memberi sokongan kepada keluarga Zara Qairina.

Menurutnya, sebelum ini dia hanya menonton himpunan sebegini melalui video penstriman langsung di media sosial.

Sementara itu, perhimpunan yang bermula jam 8 malam itu diselubungi suasana sebak apabila lantunan lagu Justice For Zara Qairina disusuli laungan Justice for Zara oleh warga kota bergema sebagai solidariti atas kematian tragis pelajar berkenaan.

Himpunan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) yang turut dihadiri pem-

engaruh media sosial itu menyaksikan peserta berpakaian hitam sambil membawa plakad, sepanduk dan kain rentang bertulis Justice For Zara.

Mereka memberi sokongan dalam usaha menuntut keadilan untuk Zara Qairina Mahathir yang dilaporkan meninggal dunia selepas ditemukan tidak sedarkan diri di halaman bangunan asrama sekolahnya pada 16 Julai lalu.

Turut dilancarkan Justice for Faris sebagai sokongan kepada Allahyarham Syamsul Haris Shamsudin, 22, pelatih Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai yang ibunya memohon perintah supaya kubur anaknya digali semula bagi dijalankan bedah siasat kedua.

Kuala Lumpur: Polis akan meneliti ucapan peserta di Himpunan Solidariti Demi Adik Zara di hadapan pusat beli-belah Sogo di sini, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman berkata, pihaknya menempatkan pasukan perakam dalam himpunan itu yang bertindak mengesan sebarang ucapan atau perbuatan bercanggah dengan undang-undang.

Menurutnya, tindakan akan diambil mengikut peraturan undang-undang sedia ada sekiranya ucapan berkenaan menyentuh isu sensitif terutama berkaitan Raja, Agama dan Kaum (3R).

"Kita akan meneliti ucapan disampaikan peserta yang berucap tadi (kelmarin) dan sekiranya ada ucapan yang melanggar undang-undang, menyentuh sensitiviti terutamanya 3R, kita akan membuka kertas siasatan.

"Kita akan memanggil individu-individu tertentu sekiranya ada keperluan,"

Polis akan teliti ucapan peserta



“Kita akan memanggil individu-individu tertentu sekiranya ada keperluan”
Sulizmie

katanya ketika sidang media selepas himpunan itu tamat. Beliau berkata, penganjuran dan peserta bertang-

gungjawab untuk berkelakuan baik dan tindakan akan diambil sekiranya mereka didapati melanggar undang-undang.

"Seperti mana terma undang-undang, dalam perhimpunan aman itu sendiri, tanggungjawab peserta dan penganjuran untuk memastikan perhimpunan itu berjalan secara baik dan tidak melanggar apa-apa undang-undang," katanya.

Sulizmie Affendy berkata, seramai 450 peserta menyertai himpunan berkenaan yang berjalan secara aman dan lancar hingga jam 11 malam itu.

Menurutnya, pihaknya mengugut seramai 100 pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi termasuk anggota trafik untuk kawalan keselamatan dan kelancaran lalu lintas di sekitar kawasan himpunan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA LAMBAT BUKA PINTU BILIK DITUMBUK SUAMI

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 18 OGOS 2025

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita lambat buka pintu bilik ditumbuk suami

Tawau: Sikap panas baran seorang lelaki sehingga tergamak menumbuk isterinya hanya kerana wanita itu lambat membuka pintu bilik sewa di Jalan Dunlop di sini, Jumaat lalu.

Dalam kejadian jam 12.01 tengah malam itu, suspek warga asing berusia 30-an dikatakan menumbuk lengan kiri isterinya, 50-an, menyebabkan mangsa mengalami lebam sebelum membuat laporan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Champin Puih berkata, susulan itu pihaknya menahan suspek kira-kira jam 1.50 petang keesokan harinya di tepi jalan sekitar pusat bandar.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Kesek-

saan, Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63,” katanya, semalam.

Dalam pada itu, beliau menegaskan polis memandang serius kes keganasan rumah tangga dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melakukan jenayah itu.

Beliau turut menasihatkan pasangan supaya menyelesaikan pertikaian secara berhemah tanpa mencederakan antara satu sama lain.

“Orang ramai mempunyai maklumat berhubung kes keganasan rumah tangga diminta menyalurkannya kepada pihak polis bagi membolehkan tindakan segera diambil,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hanya kerana lambat buka pintu bilik, isteri ditumbuk suami

🕒 17 Ogos 2025, 1:27pm



Suspek (tengah) ketika ditahan polis semalam. -FOTO Ihsan PDRM

TAWAU: Seorang lelaki tergamak menumbuk isterinya hanya kerana wanita itu lambat membuka pintu bilik sewa di Jalan Dunlop, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 12.01 tengah malam itu, warga asing berusia 30-an itu menumbuk lengan kiri isterinya yang berusia lingkungan 50-an, menyebabkan mangsa kesakitan selain lebam sebelum membuat laporan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Tawau, Superintendan Champin Pih berkata, sepasukan pegawai dan anggota kemudian menahan suspek kira-kira jam 1.50 petang keesokan harinya di tepi jalan sekitar pusat bandar.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, Seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelajar wanita mati tergantung di kipas, disyaki dibunuh

Oleh **Muhammad Hafis Nawawi** - Ogos 17, 2025 @ 4:32pm



Foto hiasan

SUBANG JAYA: Seorang pelajar wanita sebuah kolej ditemui disahkan mati dibunuh selepas ditemukan tergantung di kipas siling di ruang tamu kediamannya di USJ 2/1 di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya menerima panggilan pada jam 11.55 pagi, memaklumkan seorang wanita berusia 20-an ditemui mati tergantung di kipas.

Katanya, pemanggil yang juga bapa mangsa, menemukan wanita itu di ruang tamu tingkat dua rumah.

"Pemeriksaan awal di lokasi mendapati mangsa sudah meninggal dunia dan bedah siasat dijalankan oleh pakar patologi Hospital Serdang.

"Punca kematian disahkan akibat pendarahan di sekeliling hyoid bone (tulang leher), manakala kecederaan pada otot dan tulang adalah kesan daripada manual strangulation (cekik)," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Azlan berkata, mangsa tinggal bersama kakak dan sepupunya, namun mangsa berada di rumah seorang diri ketika mayatnya ditemui.

Katanya, rumah terbabit adalah milik keluarga dan tiada kehilangan harta benda dilaporkan.

Wan Azlan berkata, kecederaan pada otot dan tulang berpunca akibat dicekik (manual strangulation).

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

"Siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti motif kejadian," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes itu boleh menghubungi 03-278627100 (Pusat Kawalan Daerah Subang Jaya) atau Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Zainol Aazizi Abu Bakar 013-3227632.